

### 1. Apakah syarat-syarat kelayakan untuk memohon Kedai/ Industri Mampu Milik?

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
- iii. **Pendapatan** isirumah **tidak melebihi RM10,000 sebulan** ;
- i. Pemohon atau pasangan tidak mempunyai sebarang jenis hartanah komersial. Pemohon yang telah memiliki Rumah Selangorku tidak tertakluk kepada syarat ini untuk membuat permohonan kedai/industry ;
- ii. Permohonan **daripada syarikat dibenarkan** dengan syarat pengarah-pengarah syarikat tidak memiliki sebarang hartanah komersial termasuk SOHO / SOVO /SOFO dan seumpamanya
- i. Pemohon bujang boleh di tawarkan kedai/industri ;
- iv. Permohonan pindahmilik hanya dibenarkan selepas 5 tahun daripada tarikh serahan pemilikan kosong atau Vacant Possession dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri ;
- v. Pemohon perlu berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor

### 2. Bagaimanakah cara untuk mendaftar bagi permohonan Kedai/ Industri Mampu Milik?

Pemohon boleh mendaftar secara 'online' atau muat turun borang permohonan di laman web LPHS <http://lphs.selangor.gov.my>

### 3. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan Kedai/ Industri Mampu Milik?

Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut semasa menghantar borang permohonan:

- i. Salinan kad pengenalan pemohon;
- ii. Salinan kad pengenalan pasangan;
- iii. Salinan sijil kelahiran/kad pengenalan anak-anak yang masih dalam tanggungan;
- iv. Salinan surat nikah/daftar perkahwinan/surat cerai/kematian
- v. Borang Pengesahan Bujang yang disahkan oleh majikan / ADUN Kawasan / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Persatuan Penduduk;
- vi. Salinan penyata gaji terkini pemohon dan pasangan;

- vii. Surat pengesahan pendapatan daripada majikan atau akuan bersumpah yang diakusaksi di hadapan Pesuruhjaya Sumpah sekiranya bekerja sendiri;
- viii. Akuan bersumpah yang diakusaksi di hadapan Pesuruhjaya Sumpah sekiranya pasangan tidak bekerja;
- ix. Kad pesara dan penyata bank akaun wang pencen dimasukkan;
- x. Salinan Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pemohon dan pasangan<sup>1</sup>;
- xi. Penyata CCRIS Bank Negara Malaysia bagi pemohon dan pasangan<sup>2</sup>;
- xii. Sekiranya permohonan kedai dan industri boleh melengkapkan maklumat tambahan iaitu ;

(a) Lesen syarikat / perniagaan berdaftar dengan SSM (sekiranya ada)

(b) Dokumen sokong pengalaman berniaga (sekiranya ada)

#### **4. Berapakah harga Kedai/ Industri Mampu Milik?**

Harga Kedai/ Industri Mampu Milik adalah tidak melebihi RM120,000.00 seunit

#### **5. Berapakah keluasan Kedai/ Industri Mampu Milik?**

Keluasan Kedai/ Industri Mampu Milik adalah tidak kurang daripada 850 kaki persegi.

#### **6. Dimanakah lokasi Kedai/ Industri Mampu Milik yang boleh dipohon?**

Pemohon boleh menyemak senarai projek Kedai/ Industri Mampu Milik yang boleh dipohon di laman web LPHS <http://lphs.selangor.gov.my>

---